

Publication: Berita Harian, p 22

Date: 28 February 2015

Headline: Maliki: Avoid conflict by strengthening relations

Maliki: Elak pertikaian dengan perkukuh hubungan



DR MOHAMAD MALIKI OSMAN

APABILA masyarakat mempunyai hubungan yang baik dan mempercayai satu sama lain, pertikaian antara jiran dapat dielakkan, demikian kata Menteri Negara bagi Pembangunan Negara merangkap Perdana Menteri, Dr Mohamad Maliki Osman, semasa ditanya mengenai satu undang-undang yang akan diperkenalkan bagi menangani pertikaian.

Beliau ditanya mengenai Rang

Undang-Undang Pertikaian Resolusi Masyarakat yang bakal dibentangkan di Parlimen pada Mac ini, di satu sidang anjuran Universiti Pengurusan Singapura (SMU) semalam.

"Walaupun terdapat isu-isu yang sedang meningkat dan 'api yang sahaja bermula', adakah anda mempunyai infrastruktur di dalam masyarakat di mana kami boleh cu-

ba membantu menangani isu-isu tersebut?

"Masa itulah di mana sumber-sumber masyarakat dan tenaga positif dalam masyarakat diperlukan," tambah beliau.

Persidangan itu dianjurkan oleh Institut Sains Tingkah Laku di SMU dan membincangkan bagaimana sikap dan pengalaman positif boleh menjana penyelesaian yang membi-

na dalam masyarakat.

Dr Maliki berkata adalah penting masyarakat mula melihat sesuatu perkara dari sudut yang positif walaupun pemerintah berusaha menangani sentimen negatif.

"Agensi-agensi pemerintah perlu mula menghargai sebahagian daripada sumber sentimen negatif ini dan cuba memahami asal-usulnya (dan) pada masa yang sama mengadakan

peluang bagi rakyat merasakan dan mengalami hasil positif dan proses yang positif," katanya.

Persidangan itu dihadiri 300 kakitangan awam, tokoh akademik dan wakil daripada sektor swasta dan pertubuhan bukan pemerintah.

Antara penceramah termasuk Profesor David Chan, pengarah Institut Sains Tingkah Laku; Profesor Tommy Koh, Duta Kelana; dan Encik Han Fook Kwang, Editor Kelana *The Straits Times*.